

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai projek-projek yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 tetapi dibatalkan mengikut pecahan negeri. Mengapa negeri Pulau Pinang disasarkan apabila projek pengangkutan awam dengan jaminan pinjaman RM10 bilion dan kereta kabel Bukit Bendera sebanyak RM100 juta dibatalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, susulan penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini, ianya telah menyebabkan beberapa inisiatif yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 tidak lagi signifikan untuk dilaksanakan dan perlu dikaji semula termasuk projek kereta kabel Bukit Bendera, Pulau Pinang.

Kerajaan juga mengalami kekangan dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur yang besar pada masa ini terutamanya akibat Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) serta terpaksa mengagihkan semula peruntukan tersebut untuk menampung ruang fiskal serta inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Perihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Sehubungan itu, Kerajaan akan meneliti semula keperluan untuk melaksanakan projek-projek ini pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.